
Kepada : Seperti di Lampiran
Daripada : Dekan
Ruj. Kami : UPSI/FSM/MATH/IPCSM24/04
Tarikh : 21 Mei 2024/ 13 Zulkaedah 1445H

MEMOHON PENYERTAAN PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH SEBAGAI PEMBENTANG KERTAS KERJA DI *INTERNATIONAL CONFERENCE ON EDUCATION, MATHEMATICS AND SCIENCE (ICEMS) IN CONJUNCTION WITH 12th INTERNATIONAL POSTGRADUATE CONFERENCE ON SCIENCE AND MATHEMATICS (IPCSM) 2024*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak fakulti akan menganjurkan *International Conference on Education, Mathematics and Science (ICEMS) in conjunction with 12th International Postgraduate Conference on Science and Mathematics (IPCSM) 2024* dengan butiran berikut:

Tarikh : **10 – 11 Oktober 2024 (Khamis – Jumaat)**
Tempat : Platform Dalam Talian (Webex)

3. Sehubungan itu, pihak fakulti telah **mewajibkan semua pelajar pascasiswazah di Fakulti Sains dan Matematik**, iaitu PhD, Sarjana Mod A, B dan C yang telah membentangkan cadangan penyelidikan atau mendaftar kertas projek supaya menyertai persidangan tersebut sebagai pembentang. Oleh itu, mohon kerjasama semua pensyarah penyelia agar memaklumkan kepada pelajar masing-masing berkenaan dengan penyertaan bagi persidangan ini.

4. Untuk pengetahuan Y.Brs. Profesor Dr. / Profesor Madya Dr. / Dr. / Tuan / Puan, pelajar pascasiswazah boleh menggunakan peruntukan daripada Institut Pengajian SiswaZah (IPS) untuk pembayaran yuran bagi menghadiri persidangan ini. Kelayakan permohonan pelajar adalah seperti berikut:

- i. Pelajar yang telah menjelaskan yuran pengajian.
- ii. Pelajar yang belum pernah mengikuti mana-mana seminar/persidangan bagi semester berkenaan.
- iii. Pelajar perlu menyertai persidangan sebagai pembentang dan penulis utama ATAU penulis bersama serta menerima sijil sebagai pembentang.

5. Borang permohonan pelajar untuk dana persidangan ini dilampirkan bersama bagi memudahkan proses pembayaran dilakukan. Borang ini hendaklah diemelkan kepada ipcsm2024@upsi.edu.my. Permohonan pelajar hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh menghadiri seminar/persidangan. Permohonan lengkap perlu dihantar beserta dengan lampiran iaitu:

- i. Brosur persidangan
- ii. Kertas kerja penuh
- iii. Surat pengesahan penerimaan kertas kerja dari pengajur
- iv. Surat-surat berkaitan yang lengkap bersama nombor akaun pengajur dan kadar bayaran

6. Untuk rujukan lanjut, satu (1) salinan brosur persidangan juga dilampirkan bersama surat ini. Butiran dan maklumat terkini mengenai persidangan ini boleh dirujuk melalui laman web persidangan iaitu <https://icems.upsi.edu.my>. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan melalui alamat emel ipcsm2024@upsi.edu.my. Segala perhatian daripada Y.Brs. Profesor Dr. / Profesor Madya Dr. / Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR MADYA DR. MOHD FAIZAL NIZAM LEE BIN ABDULLAH)

Dekan
Fakulti Sains dan Matematik

s.k. :Timbalan Dekan (A&A)/(P&I)/(HEPA)/(JIP), FSM
Ketua Jabatan (Matematik/Biologi/Fizik/Kimia), FSM
Timbalan Pendaftar, FSM
Fail Setiausaha ICEMS *in conjunction with 12th IPCSM 2024*

